

Klip video promosi judi, cubaan normalkan wasilah yang bercanggah dengan syarak

Written by Media Baharu



KUALA LUMPUR, 17 April - Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dalam ulasannya berkaitan video iklan mempromosi aktiviti perjudian dalam talian sempena Aidilfitri menegaskan, sebarang bentuk perbuatan yang menjurus kepada pertaruhan ataupun perjudian adalah haram di sisi Islam.

Isu penyiaran klip video yang mempromosikan judi tersebut dilihat sebagai satu cubaan untuk menormalkan wasilah yang jelas bercanggah dengan tuntutan syarak.

Dalam kenyataan medianya, pejabat mufti turut menegaskan perbuatan tersebut membangkitkan sensitiviti umat Islam sekaligus mencemarkan kemuliaan bulan Ramadan.

Pihaknya mengingatkan semua pihak agar sentiasa menghormati agama Islam dan menjauhi sebarang bentuk perbuatan yang boleh mengundang kemurkaan Allah.

Larangan umat Islam daripada terlibat dengan aktiviti perjudian juga telah diwartakan dalam Seksyen 18, Akta 559, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.